

TINJAUAN TERHADAP TAHAP KESESUAIAN INFRASTRUKTUR PROGRAM INTEGRASI PENDIDIKAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN

(A SURVEY OF THE SUITABILITY OF INFRASTRUCTURE AND INTEGRATION PROGRAM FOR SPECIAL NEEDS EDUCATION)

**Mohd Hanafi Mohd Yasin*, Hasnah Toran and
Mohd Mokhtar Tahar**

Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi Selangor

*Corresponding author: mhmy6365@yahoo.com

Noraini Mohd Salleh

Universiti Tun Abdul Razak, Jalan Munsyi Abdullah
50100 Kuala Lumpur

Rabaishah Azirun

SMK Malim, 75250 Melaka

Abstrak: Suasana di bilik darjah mempunyai peranan besar dalam menghasilkan aktiviti pembelajaran yang baik. Oleh itu, pelbagai aspek perlu diambil kira sebelum bilik darjah pendidikan khas (PK) dibina atau diubah suai. Bilik darjah yang sempit sudah cukup untuk menjadikan suasana pembelajaran menjadi hambar dan sukar. Adalah wajar bagi semua bilik darjah PK dibina secara terancang dan memenuhi ciri-cirinya sebagai sebuah ruang pembelajaran. Program PK memerlukan tandas bersesuaian, laluan bagi kanak-kanak kurang upaya fizikal, perabot yang sesuai dan ruang penyimpanan Alat Bantu Mengajar (ABM). Persekitaran bilik darjah yang ceria boleh menarik minat murid-murid PK untuk belajar dengan tekun. Namun tidak dinafikan masih terdapat banyak lagi bilik darjah PK berada pada tahap kurang memuaskan. Terdapat beberapa pihak yang bertanggungjawab kurang mengambil berat tentang perkara ini. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui sejauh mana kesesuaian infrastruktur fizikal sekolah dengan program integrasi pendidikan khas di seluruh negara. Seramai 52 orang responden yang terdiri daripada guru pendidikan khas telah dipilih untuk memberikan pandangan mereka. Majoriti daripada mereka kurang berpuas hati terhadap infrastruktur bilik darjah di sekolah mereka. Mereka juga menyatakan bahawa bilik darjah yang disediakan sempit dan tidak sesuai dengan bilangan murid. Mereka juga menyatakan bahawa terdapat sebahagian murid terpaksa berkongsi bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam terutama ketika amali mengambil wuduk dan solat. Masalah lain yang turut dihadapi oleh mereka ialah kekurangan bahan bantu mengajar dan kemudahan yang terhad bagi pelajar yang kurang upaya. Kajian juga mendapati bahawa kelengkapan infrastruktur multimedia masih tidak mencukupi. Secara keseluruhan dapatlah disimpulkan bahawa infrastruktur bilik darjah sekolah dan

program integrasi pendidikan khas di negara ini masih memerlukan banyak pembaikan dan peningkatan. Justeru itu pembinaan dan pengubahsuaian bilik darjah pendidikan khas perlu dilakukan mengikut satu spesifikasi standard yang dipraktik pihak berkuasa.

Kata Kunci: pendidikan khas, infrastruktur, bilik darjah pendidikan khas, program integrasi, mesra murid-murid berkeperluan khas

Abstract: Classroom environment plays a vital role in assuring good teaching and learning process. A small classroom can cause the teaching and learning process dull and difficult. Therefore it is important that a special education classroom to be well designed and fulfil the needs of a learning environment. A special education program needs to have disabled-friendly toilets and pathway especially for students with physical disabilities, appropriate furniture and ample storage for teaching aids. An attractive and conducive classroom can heighten students' attention to learn. However, there are still special education programs which are located in classrooms that are not suitable. This study investigates the suitability of the physical infrastructure in special education integration programs in Malaysia. Fifty two special education teachers were involved in this study as respondents. A majority of them were dissatisfied with physical infrastructure of their classrooms. They reported that their classrooms were small and unsuitable for the number of students they have. For example, at certain times, students from different classes have to share the same classroom due to lack of space. Other findings of this study includes insufficient teaching aids and facilities, such as multimedia facilities, for students with disabilities. As a conclusion, this study found that special education classrooms in Malaysia still need a lot of improvement. As such, the suggestion put forward is the establishment of a specified standard for future construction and renovation of physical infrastructure of special education classrooms in our country.

Keywords: special education, infrastructure, special education classroom, integration program, special education students friendly

PENGENALAN

Pendidikan khas adalah perkhidmatan dan kemudahan pendidikan yang disediakan untuk individu berkeperluan khas, atau kurang upaya. Individu yang tergolong dalam kategori berkeperluan khas merupakan mereka yang mengalami masalah penglihatan, masalah pendengaran, masalah pembelajaran, gangguan emosi dan tingkah laku, gangguan komunikasi (pertuturan dan bahasa), kecacatan fizikal, dan golongan pintar cerdas. Hallahan dan Kaufmann (1986) berpendapat Pendidikan khas direka khusus untuk memenuhi keperluan-keperluan luar biasa seseorang murid dengan menggunakan bahan atau peralatan khas, teknik pengajaran dan kemudahan tertentu. Program yang disediakan untuk murid

berkeperluan khas ini adalah bercorak pengajaran individu (Culatta & Tompkins, 1999) yang disesuaikan dengan keperluan pembelajaran murid.

Penyediaan peluang pembelajaran yang sama rata perlu diadakan bukan sahaja untuk murid biasa tetapi juga untuk murid berkeperluan khas bagi membolehkan mereka berdikari dan memperkembangkan potensi masing-masing. Dalam konteks Malaysia, peluang pembelajaran bagi murid berkeperluan khas disediakan oleh Kementerian Pelajaran dalam dua bentuk program Pendidikan Khas (PK) iaitu di Sekolah Khas dan juga di sekolah biasa yang lebih dikenali sebagai Program Pendidikan Khas Integrasi. Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran adalah dikhususkan untuk murid berkeperluan khas dalam kategori masalah pembelajaran seperti autisme, sindrom Down, terencat akal dan pelbagai lagi.

PERNYATAAN MASALAH

Sistem pendidikan di negara kita telah diubah suai selaras dengan hasrat negara yang terkandung dalam Wawasan 2020 yang menjadi sasaran utama negara iaitu untuk menjadi sebuah negara yang maju dan mementingkan pembangunan insan selaras dengan pendidikan bersepadu. Salah satu aspek yang perlu diambil kira dalam usaha membangunkan modal insan ialah aspek persekitaran. Purkey dan Smith (1983) berpendapat persekitaran sesebuah sekolah memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar. Walau di mana sekalipun sesebuah program pendidikan itu dibuka, aspek pertama yang perlu diambil kira ialah penyediaan infrastruktur yang menentukan persekitaran sesebuah sekolah. Malah, persekitaran bilik darjah yang diurus dengan baik dapat menggembirakan murid (Jamila, 2005) dan membantu pembelajaran mereka.

Dalam memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, murid berkeperluan khas perlu berasa selesa, selamat dan terkawal bagi menerima pelajaran (Goldsmith, J. & Goldsmith, L. 1998). Justeru, adalah penting untuk mewujudkan kesinambungan dalam persekitaran bagi membolehkan murid berkeperluan khas memberi makna terhadap dunia sekitar mereka dan membentuk konsep. Seiring dengan itu, pembangunan dan iklim bilik darjah yang kondusif perlu diwujudkan mengikut keperluan murid biasa amnya dan murid yang berkeperluan khas khususnya.

Terdapat perbezaan di antara infrastruktur di Sekolah Khas dan juga di Program Pendidikan Khas Integrasi. Sekolah Pendidikan Khas mempunyai kelengkapan

yang lebih baik berbanding unit integrasi dan ini adalah kerana program integrasi dibuka di sekolah biasa (Peresuh & Barcham, 1998).

Di Malaysia, pihak SUHAKAM (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia) (2006) berpendapat, Kementerian Pelajaran Malaysia menghadapi masalah dalam menyediakan bangunan dan prasarana yang dapat diakses oleh murid berkeperluan khas memandangkan reka bentuk dan pembinaan bangunan sekolah adalah di bawah kelulusan pihak berkuasa tempatan. Ini menyebabkan terdapat kelas yang berada di tingkat atas, dan juga ketiadaan tandas yang mesra OKU (orang kurang upaya).

Infrastruktur bagi Program Pendidikan Khas Integrasi dikatakan bermasalah kerana pembukaan kelas adalah melibatkan pengubahsuaian bilik darjah sedia ada (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006). Pengubahsuaian bilik darjah sedia ada ini menyebabkan saiz kelas yang dipersetujui dan diluluskan oleh Agensi Pusat bagi kelas murid berkeperluan khas iaitu 6.5 meter persegi bagi seorang murid tidak dapat dilaksanakan di sesetengah negeri.

Isu yang dipaparkan perlu diteliti dengan lebih mendalam. Setakat ini tiada sebarang kajian dijalankan bagi meneliti infrastruktur yang disediakan bagi murid berkeperluan khas di Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran. Isu ini tidak wajar dipandang remeh kerana ketiadaan persekitaran yang selesa dan kondusif akan menjejaskan pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya memberi kesan terhadap pencapaian murid. Justeru, kajian perlu dijalankan bagi mendapatkan gambaran sebenar tentang aspek infrastruktur tersebut.

TUJUAN DAN OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk meneliti aspek infrastruktur yang disediakan bagi murid berkeperluan khas dalam Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran. Penelitian ini meliputi aspek penyediaan bilik darjah bagi sesebuah program PK di sekolah terpilih, juga berkaitan keluasan ruang bilik darjah serta aksesibiliti bagi murid berkeperluan khas. Selain itu, aspek keselamatan turut diberi perhatian. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut.

1. Meninjau penyediaan bilik darjah bagi program PK.
2. Meneliti keluasan ruang bilik darjah program PK.
3. Meninjau aksesibiliti ke ruang pengurusan diri.
4. Meninjau tahap keselamatan program PK.

METODOLOGI

Kajian ini melibatkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif yang digabungkan dalam usaha untuk menghasilkan satu dapatan kajian yang komprehensif serta mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Rasional menggunakan pelbagai cara pengumpulan data dalam kajian ini adalah untuk memberi ruang kepada pengkaji untuk meyakinkan dapatan dan kesimpulan yang lengkap berdasarkan pelbagai punca data dan maklumat.

Kajian ini dijalankan untuk mendapat maklum balas guru PK terhadap kesesuaian infrastruktur Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah persampelan kelompok bagi memudahkan proses pengumpulan data. Saiz sampel yang dipilih ialah 52 orang guru pendidikan khas yang mengajar di Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran di lima buah negeri iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Johor dan Pahang sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Bilangan sekolah yang terlibat mengikut negeri

Negeri	Bilangan sekolah
Selangor	17
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	5
Negeri Sembilan	2
Johor	2
Pahang	26
Jumlah	52

Data bagi kajian ini diperoleh melalui penggunaan satu set borang soal selidik, protokol temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Pengkaji telah menggunakan soal selidik dengan respons tetap yang dibentuk sendiri oleh pengkaji berdasarkan pembacaan daripada tinjauan. Soal selidik ini memberi tumpuan terhadap aspek-aspek infrastruktur bilik darjah PK yang telah dibina di sekolah-sekolah PK pada hari ini. Borang soal selidik mempunyai enam bahagian iaitu; Bahagian A berkenaan maklumat sekolah/program, Bahagian B yang merupakan respons terhadap keadaan fizikal bilik darjah PK, Bahagian C berkenaan dengan maklumat bilik darjah PK, Bahagian D berkenaan dengan kelengkapan peralatan untuk program PK, Bahagian E mengambil kira pandangan responden terhadap program PK dan Bahagian F merupakan pandangan guru terhadap bilik darjah PK di sekolah. Skala Likert yang mengandungi lima pilihan digunakan bagi memudahkan responden menyatakan darjah persetujuan terhadap

setiap item yang dikemukakan. Temu bual dilakukan untuk memperoleh data yang berkaitan dengan kesahan soal selidik (Cohen, Manion & Marrison, 2000; Kerlinger, 1973), dijalankan selepas soal selidik diedarkan untuk mendapatkan penjelasan sebenar.

Soalan-soalan temu bual juga telah dibentuk bagi menjawab semua soalan kajian. Guru yang terlibat sepenuhnya dalam program PK telah diajukan dengan soalan-soalan yang berbentuk terbuka di mana responden bebas untuk menjawab soalan dengan jawapan yang sesuai. Bagi mengelakkan berlakunya kutipan data yang tidak relevan, setiap soalan yang diajukan diberikan kata kunci seperti kesesuaian bilik darjah, keselesaan, kebersihan, kecekapan dan mesra pengguna.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang meneliti aspek infrastruktur bagi Program PK Masalah Pembelajaran ini dibincangkan dalam empat aspek, selaras dengan objektif kajian yang ditetapkan. Empat aspek tersebut ialah penyediaan bilik darjah, keluasan ruang bilik darjah, aksesibiliti ke ruang pengurusan diri dan aspek keselamatan.

Penyediaan Bilik Darjah

Kajian mendapati kebanyakan bilik darjah PK tidak dibina secara khusus di mana bilik darjah yang diperuntukkan merupakan bilik darjah yang diubah suai. Ini diakui oleh 75% responden dan daripada keseluruhan responden, 63.5% berpendapat program PK perlu mempunyai bilik darjah di bangunan sendiri. Pengubahsuaian bilik darjah sedia ada diakui dapat menjimatkan kos pembinaan kelas baru dan juga mengatasi masalah ketiadaan tanah untuk pembinaan bangunan baru. Namun demikian, bilik darjah yang diubah suai tanpa spesifikasi piawai menyebabkan timbulnya isu lain. Antaranya ialah ketiadaan ruang bagi penyimpanan peralatan, fail atau bahan bantu mengajar. Malah isu yang amat ketara yang didapati menerusi kajian ini ialah dalam aspek keluasan bilik darjah itu sendiri di mana 26 responden berpendapat bilik darjah PK yang disediakan sangat sempit. Ini memberi kesan terhadap keselesaan guru dan murid yang akan dibincangkan dalam subtopik seterusnya.

Dari segi lokasi, kebanyakan bilik darjah PK berada di aras bawah iaitu mewakili 46 responden, manakala 8 responden menyatakan bilik darjah PK berada di tingkat atas. Kedudukan bilik darjah di tingkat atas adalah kurang sesuai bagi

murid berkeperluan khas terutama bagi mereka yang mengalami kekangan mobiliti khususnya yang menggunakan kerusi roda.

Penyediaan bilik khas mengikut mata pelajaran tertentu seperti bilik kemahiran hidup dan pengurusan diri merupakan salah satu keperluan dalam PK. Ini kerana murid berkeperluan khas turut perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran bagi persediaan menghadapi kehidupan selepas tamat persekolahan. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati sebanyak 51.9% responden menyatakan bahawa tiada bilik khas disediakan untuk murid berkeperluan khas bagi mata pelajaran kemahiran hidup, dan 59.6% pula menyatakan tiada bilik khusus untuk pengurusan diri. Ini menyebabkan pengajaran dan pembelajaran bagi kedua-dua mata pelajaran tersebut tidak dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Kajian mendapati terdapat sekolah yang mengamalkan konsep masyarakat penyayang yang dapat dikesan dari segi kedudukan kelas. Ini dapat dilihat dalam aspek bilik darjah PK yang bersebelahan dengan bilik darjah murid biasa yang mana keadaan ini memaparkan bahawa murid berkeperluan khas tidak diasingkan secara total daripada murid biasa. Kedudukan kelas yang bersebelahan ini memberi peluang kepada semua murid untuk bersosialisasi secara tidak langsung. Keadaan ini penting bagi membantu meningkatkan keyakinan diri serta rasa diterima dalam diri murid berkeperluan khas, juga akan membantu mereka dalam pergaulan seharian.

Keluasan Ruang Bilik Darjah

Sebagaimana yang dinyatakan, 26 responden berpendapat bilik darjah PK yang disediakan sangat sempit dan tidak sesuai dengan bilangan murid. Malah di sesetengah sekolah, sebuah bilik darjah digunakan untuk dua kumpulan murid yang mengikuti pengajaran yang berbeza, menggambarkan masih wujud konsep kelas bercantum dalam era ini. Faktor pengubahsuaian bilik darjah biasa untuk dijadikan bilik darjah PK telah mencetuskan masalah ini dan ini memberi kesan terhadap keselesaan guru dan murid. Kepelbagaian murid PK di dalam sesebuah kelas ditambah pula dengan bilangan murid yang ramai mengganggu tumpuan murid dan ini menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian telah meneroka pendapat guru berkaitan tahap keadaan ruang bilik darjah yang dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Ruang bilik darjah

Tahap keadaan	Peratus
Sangat tidak memuaskan	5.8
Tidak memuaskan	19.2
Kurang memuaskan	23.1
Memuaskan	42.3
Sangat memuaskan	9.6
Jumlah	100.0

Daripada Jadual 2, dapat dibuktikan bahawa hanya 9.6% guru yang berpendapat ruang bilik darjah PK sangat memuaskan dan 42.3% pula berpendapat ia memuaskan. Keadaan ini dipengaruhi oleh bilangan murid yang tidak ramai, juga program tersebut dibuka di sekolah baru. Ada guru yang berpendapat ruang bilik darjah PK sangat tidak memuaskan (5.8%), tidak memuaskan (19.2%) dan kurang memuaskan (23.1%). Jika difikirkan, pendapat ini sedikit sebanyak mempengaruhi motivasi guru dan murid dalam situasi pembelajaran seharian.

Data kualitatif yang dikumpul menerusi temu bual bersama guru menunjukkan dapatan yang konsisten. Antaranya, guru menyatakan:

Bilik darjah terlalu sempit dan tidak kondusif untuk pembelajaran, saya dimaklumkan tiada peruntukan untuk menaik taraf kelas saya.

(Masalah Pendengaran, Negeri Sembilan)

Keadaan kelas yang begitu sempit dan agak membahayakan keselamatan murid.

(Masalah Pembelajaran, Negeri Sembilan)

Terlalu banyak barang sehingga tidak dapat menceriakan kelas dan menggunakan ruang untuk setiap mata pelajaran.

(Masalah Pembelajaran, Negeri Sembilan)

Bilik darjah memuatkan dua kumpulan pada satu-satu masa. kepadatan mengganggu tumpuan dan daya ingatan/fokus murid kepada pengajaran dan pembelajaran.

(Masalah Pembelajaran, Pahang)

Bilik darjah yang tidak mencukupi dan sempit, ruang untuk pelajar mengadakan aktiviti tidak mencukupi.

(Masalah Pembelajaran, Wilayah Persekutuan)

Rungutan guru memaparkan perasaan tidak puas hati mereka namun mereka tidak dapat berbuat apa-apa kerana kuasa untuk mendapatkan kelas baru bukan di tangan mereka. Segala-galanya bergantung kepada peruntukan daripada pihak Kementerian Pelajaran dan juga Jabatan Pelajaran Negeri. Dalam keadaan serba tidak sempurna itu, pengajaran masih diteruskan bagi memastikan murid berkeperluan khas dilengkapi dengan ilmu yang sesuai. Beberapa orang guru berpendapat mereka memerlukan bilik darjah yang lebih besar dan selesa kerana ruang yang sempit membataskan pergerakan murid.

Akses ke Ruang Pengurusan Diri

Murid berkeperluan khas bukan sahaja mengalami masalah dari segi pembelajaran akademik tetapi sebahagian daripada mereka juga mengalami masalah dari segi pengurusan diri. Malah ada juga yang masih memerlukan latihan ke tandas dan ini turut terkandung dalam kurikulum program PK. Justeru, penyediaan tandas merupakan satu keperluan yang tidak boleh dipandang ringan dalam konteks program PK. Selain lokasi tandas khas, aspek reka bentuk tandas juga memainkan peranan memandangkan terdapat murid berkeperluan khas yang tidak dapat menggunakan tandas cangkung. Demikian juga bagi murid yang menggunakan kerusi roda yang memerlukan ruang tandas yang dapat dimasuki oleh kerusi roda tersebut.

Daripada Jadual 3, 23.1% responden sangat setuju dengan item yang berkaitan dengan keadaan kesesuaian tandas di program masing-masing, manakala 44.2% responden bersetuju. Daripada 52 responden, 27% responden berada dalam kategori tidak setuju dan tidak pasti. Ketidaksetujuan responden mempunyai kaitan dengan dua aspek, iaitu lokasi tandas yang terletak di tingkat bawah sedangkan bilik darjah di tingkat atas, dan juga kerana reka bentuk tandas yang tidak sesuai dengan ketidakupayaan murid. Lokasi tandas yang jauh dari bilik

darjah menyebabkan latihan ke tandas untuk murid tertentu mengambil masa yang panjang untuk dijalankan atau tidak dijalankan langsung.

Jadual 3 memaparkan maklum balas responden bagi item yang berkaitan dengan kesesuaian tandas di sekolah masing-masing.

Jadual 3. Kesesuaian tandas

Tandas sesuai	Peratus
Sangat tidak setuju	5.8
Tidak setuju	13.5
Tidak pasti	13.5
Setuju	44.2
Sangat setuju	23.1
Jumlah	100.0

Aspek Keselamatan

Dalam sesebuah program baik yang berkaitan dengan pendidikan mahupun bidang lain, aspek keselamatan adalah yang paling penting. Aspek ini menjadi lebih kritikal bagi program yang disediakan bagi murid berkeperluan khas. Ini kerana beberapa kategori murid berkeperluan khas juga mengalami masalah tingkah laku yang bukan sahaja akan memberi kesan terhadap diri sendiri tetapi juga orang lain. Kecederaan boleh berlaku bila-bila masa sahaja dan ini perlu ditangani dengan bijak oleh guru. Untuk itu bukan sahaja peti kecemasan perlu disediakan, tetapi juga elemen-elemen keselamatan yang lain seperti pemasangan gril, pengudaraan dan pencahayaan.

Secara keseluruhannya, penyediaan peti kecemasan bagi program PK berada pada tahap memuaskan dengan peratusan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.

Jadual 4. Penyediaan peti kecemasan

Penyediaan peti kecemasan	Sangat memuaskan	Memuaskan	Kurang memuaskan	Tidak memuaskan	Sangat tidak memuaskan
	9.6%	57.7%	25%	5.8%	1.9%

Dalam aspek pemasangan gril, majoriti responden iaitu 42 responden menyatakan sekolah mereka menyediakan kelengkapan tersebut bagi program PK. Bagi

sekolah yang tidak dilengkapi dengan gril, responden berpendapat usaha bagi menyediakan pemasangan tersebut perlu dilakukan bagi keselamatan murid dan juga peralatan yang ada di dalam kelas, khususnya untuk peralatan seperti komputer dan televisyen.

Dari segi sistem pengudaraan dan pencahayaan pula, 16 responden menyatakan tidak berpuas hati dengan peredaran udara manakala 14 responden tidak berpuas hati dengan sistem pencahayaan di dalam bilik darjah. Sistem pengudaraan yang kurang baik ini dipengaruhi oleh keadaan bilik yang sempit dan juga akibat bilangan murid yang ramai di dalam sesebuah bilik darjah yang menyebabkan suasana menjadi sesak. Keadaan ini menjadi lebih serius dengan keadaan tingkap "nako" yang kurang sesuai untuk sistem peredaran udara.

KESIMPULAN

Dapatan yang dipaparkan hasil daripada kajian yang dijalankan menunjukkan kebanyakan sekolah yang mempunyai program PK mengabaikan tentang perkara utama dalam infrastruktur iaitu penyediaan bilik darjah. Bilik darjah boleh diibaratkan sebagai tiang utama di sekolah. Hampir keseluruhan bilik darjah yang digunakan adalah bilik darjah kelas biasa yang telah diubah suai yang tidak mengikut standard yang ditetapkan. Pengabaian ini menyebabkan timbulnya masalah sekunder, antaranya ialah bilik darjah terlalu sempit, bilangan pelajar dan saiz bilik darjah yang tidak bersesuaian dengan keluasan bilik, dan juga kesesakan akibat peralatan dan perabot yang banyak. Keadaan ini mengakibatkan berlakunya suasana kurang ceria dan menjejaskan motivasi guru dan murid yang seterusnya memberi kesan negatif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

Usaha kerajaan untuk mewujudkan program PK merupakan suatu usaha yang murni dan amat diharapkan oleh pelbagai pihak terutamanya golongan berkeperluan khas, keluarga mereka serta pihak badan bukan kerajaan tertentu. Namun usaha tersebut tidak harus dijalankan seperti melepaskan batuk di tangga. Perancangan perlu dibuat bagi memastikan kelengkapan dari segi infrastruktur diberi perhatian yang sewajarnya. Tanpa infrastruktur yang lengkap, selamat dan boleh diakses, pelaksanaan kurikulum juga akan terjejas. Ini menunjukkan kurikulum dan infrastruktur mempunyai kaitan yang rapat dan saling diperlukan dalam memberi pendidikan yang berkesan kepada murid berkeperluan khas.

Perubahan ke arah kemudahan yang lebih baik adalah perlu untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dan seterusnya

meningkatkan kualiti pendidikan negara. Penyediaan kemudahan infrastruktur yang mencukupi dan sesuai dapat mewujudkan bilik darjah yang kondusif serta kebajikan murid berkeperluan khas ini dapat dijaga. Pembinaan bilik darjah dengan ukuran yang sesuai atau penempatan jumlah pelajar yang sesuai di dalam bilik darjah, kemudahan laluan untuk pergerakan, kemudahan tandas mengikut kesesuaian murid berkeperluan khas serta kemudahan-kemudahan lain yang mengikut ketidakupayaan murid dapat memberikan keselesaan semasa proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya membantu mereka dalam perkembangan mental, fizikal, emosi dan sosial.

RUJUKAN/REFERENCES

- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2000). *Research methods in education* (5th ed.). London: Routledge Falmer.
- Culatta, R. A., & Thompkins, J. R. (1999). *Fundamentals of special education: What every teacher needs to know*. New Jersey: Prentice Hall.
- Goldsmith, J., & Goldsmith, L. (1998). Physical management. In P. Lacey, & C. Ocvry. (Eds.), *People with profound and multiple learning disabilities*. London: David Fulton Publishers.
- Hallahan, D. P., & Kauffman, J. M. (1986). *Exceptional children: Introduction to special education* (5th ed.). New Jersey: Prentice Hall.
- Haring, N. G., McCormick, L., & Haring, T. G. (1994). *Exceptional children and youth: An introduction to special edition* (6th ed.). New York: Macmillan College Publishing Company.
- Heward, W. L. (2000). *Exceptional children: An introduction to special education* (6th ed.). Upper Saddle River, NJ: Merrill.
- Jamila K. A. Mohamed. (2005). *Pendidikan khas untuk kanak-kanak istimewa*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). *Buku panduan Pendidikan Khas*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Khas.
- Ketua Pengarah Pendidikan. 1998. *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 23/1998*: [KP (BS) 8591/ Jld. XIV/(23) 24 September 1998]. Kuala Lumpur.

- Kerlinger F. N. (1973). *Foundation of behavioral research*. New York: Holt, Rinehart and Winston Inc.
- Peresuh, M., & Barcham, L. (1998). Special education provision. In Y. Jennifer, V. Terry, M. Cathy, H. Cheri, & C. Ellen. (Eds.), *British Journal of Special Education*, 25 (2), 75–80.
- Purkey, S., & Smith, M. (1983). Effective school: A review. *The Elementary School Journal*, 83(4), 427–452.
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). (2006). *Laporan Tahunan SUHAKAM 2006*. Kuala Lumpur: Idaman Print Sdn. Bhd.